

Beri profesional Melayu kendali projek RMK-9

Oleh SHAMSIAH ZULKAFLI

PETALING JAYA 30 Jan. - Golongan profesional Melayu yang terlibat dalam sektor pembinaan perlu diberi peluang bagi membuktikan kebolehan masing-masing mengendalikan projek besar khususnya dalam Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9).

Pengerusi Majlis Perunding Binaan Melayu Malaysia (MPBM), Abdul Latif Mohd. Som (**gambar**) berkata, kini terdapat ramai arkitek, jurutera dan juruukur Melayu yang mempunyai kebolehan unik dan golongan tersebut mampu melaksanakan projek-projek bertaraf antarabangsa.

“MPBM sangat berharap agar perunding Melayu ini diberi keyakinan yang lebih untuk bersama kerajaan dalam melaksanakan projek RMK-9 yang sedang giat dikendalikan agensi kerajaan sekarang ini,” katanya di sini.

MPBM terdiri daripada rangkaian tiga persatuan profesional Melayu dalam sektor binaan iaitu Gabungan Jurutera Perunding Melayu Malaysia (GJPMM), Pertubuhan Arkitek Melayu Malaysia (ARKIM), dan Persatuan Juruukur Bahan Melayu Malaysia (PPJUMM).

Ditubuhkan pada Julai tahun lalu, MPBM kini dianggotai 141 firma dan lebih 2,600 profesional Melayu yang berpengalaman dalam mereka bentuk, menyelia

projek infrastruktur dan bangunan di bawah Rancangan-Rancangan Malaysia sebelum ini.

Abdul Latif berkata, MPBM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan kerajaan dalam mengendalikan projek-projek RMK-9.

Katanya, selain dapat meningkatkan penguasaan golongan Melayu dalam sektor pembinaan, kerjasama itu juga diharap membantu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan Melayu.

“Kami dapati graduan Melayu sukar dapat tempat untuk bekerja dalam firma bukan Melayu.. Jadi membantu golongan ini adalah salah satu daripada hasrat MPBM,” katanya.

um- 31/1/2007